

UJIAN AKHIR TAHUN PENDIDIKAN ISLAM TING.2 BAHAGIAN A

**Tuliskan jawapan yang tepat pada DALAM KOTAK YANG DISEDIAKAN**

1. Antara yang berikut yang manakah Malaikat yang ditugaskan untuk meniup sangkakala?

- A Israfil
- B Mikail
- C Ridhuan
- D Jibril

2. Maksud air musyammas ialah air yang\_\_\_\_\_.

- A dimasuki atau terkena najis
- B suci dan boleh digunakan untuk bersuci
- C suci tetapi tidak boleh digunakan untuk bersuci
- D disimpan di dalam bekas yang terdedah dengan matahari



3. Berikut adalah rukun wuduk kecuali

- A membasuh muka
- B menyapu kedua-dua telinga
- C niat ketika membasuh muka
- D menyapu kepala

4.

Mengamalkan kepercayaan berlandaskan al Quran dan As Sunnah

Pernyataan di atas merujuk kepada perkara yang berkaitan dengan \_\_\_\_\_.

- A kepentingan akidah
- B akidah yang ditolak
- C akidah yang benar
- D akidah yang salah

5.

Solat sunat yang dilaksanakan sebagai penutup bagi solat malam

Pernyataan di atas merujuk kepada solat \_\_\_\_\_.

- A witr

- B rawatib
- C tahajud
- D terawih

6. Antara yang berikut yang manakah **bukan** perkara yang membatalkan solat?

- A Berhadas sebelum salam yang pertama
- B Bercakap dengan sengaja walaupun sedikit
- C Hilang akal kerana gila, pitam atau mabuk
- D Tidak melihat tempat sujud ketika solat

7. Antara yang berikut yang manakah benar tentang keistimewaan al Quran?

- I Memberi peringatan kepada manusia yang ingkar
  - II Sebagai bukti seorang rasul berbanding rasul yang lain
  - III Lengkap dan mencakupi seluruh aspek kehidupan manusia
  - IV Menasahkan kitab-kitab terdahulu
- A I dan II
  - B II dan III
  - C III dan IV
  - D I dan IV

Nama Allah yang menunjukkan bahawa Allah SWT yang maha berkuasa menentukan sesuatu perkara berdasarkan kehendak dan ilmuNya

8. Pernyataan di atas merujuk kepada maksud \_\_\_\_\_.

- A Al Qadir
- B Al Razzak
- C Al Qawiy
- D Al Ghaniy

9.

- Mendapat dosa jika dilakukan
- Tidak berdosa jika ditinggalkan

- A Sunat
- B Wajib

- C Harus
- D Haram

10. Huruf “ م ” dan “ ن ” yang bersabdu

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A Alif Lam Syamsiah
  - B Alif Lam Qamariah
  - C Wajibul Ghunnah
  - D Fawatihu suar
11. Saidina Abu Bakar digelar as-Siddiq yang bermaksud
- A orang yang paling benar dalam kata-katanya
  - B orang yang paling dikasihi dalam masyarakat
  - C orang yang paling alim dalam amal perbuatannya
  - D orang yang paling fasih dalam bacaan perbuatannya


Berasa aib atau perasaan tidak selesa untuk melakukan sesuatu yang buruk kerana tidak mahu dihina.

12. Pernyataan di atas merujuk kepada sifat \_\_\_\_\_.

- A malu
  - B sabar
  - C amanah
  - D mahabbah
13. Pilih nama Allah SWT yang menunjukkan Allah SWT Maha Kaya dan tidak memerlukan kepada yang lain.
- A Al-Qawiy
  - B Al-Ghaniy
  - C Al-Razzaq
  - D Al-Musawwir

14. Pilih pernyataan yang **benar** tentang bentuk penentangan terhadap dakwah Rasulullah SAW di Mekah.
- I Memburukkan dakwah Islam
  - II Memulau Nabi dan keluarganya
  - III Mengancam meruntuhkan kaabah
  - IV Mengancam membunuh Abu Talib
- A I dan II  
B II dan III  
C III dan IV  
D I dan IV
15. Antara yang berikut yang manakah **bukan** contoh puasa sunat
- A Puasa Hari Arafah
  - B Puasa 6 bulan Syawal
  - C Puasa Isnin dan Khamis
  - D Puasa pada Hari Tasyrik

يَتَأْتِيهَا النَّاسُ كُلُّوْا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ



(Surah al-Baqarah: 168)

16. Berikut adalah ciri makanan yang halal lagi baik yang dimaksudkan dalam ayat di atas **kecuali**
- A bahan yang halal di makan
  - B disimpan di tempat yang bernajis
  - C disembelih mengikut hukum syarak
  - D bebas daripada racun yang menjejaskan kesihatan
17. Pernyataan di atas merupakan gelaran kepada
- A Saidatina Sumayyah binti Hubbat
  - B Saidatina Aisyah binti Abu Bakar
  - C Saidatina Fatimah binti Rasulullah

D Saidatina Khadijah binti Khuwailid

18. Berikut adalah sifat malu yang dilarang **kecuali**

- A menjadi imam solat
- B bercakap tidak sopan
- C membaca di khalayak ramai
- D mengaku ibu bapa tua dan miskin

19. Berusaha bersungguh-sungguh untuk menjadi ahli korporat adalah satu cara jihad

- A Ilmu
- B Amal
- C Ekonomi
- D Teknologi

20. Pilih yang manakah **bukan** cara syaitan menyesatkan manusia

- A Menggalakkan amalan bid'ah
- B Menimbulkan rasa was was dalam diri
- C Menimbulkan perasaan riak apabila beramal
- D Mengajak manusia mengamalkan sifat mahmudah